



SOALAN LAZIM (FAQ) PENDAFTARAN



Disediakan oleh:

Unit Personel Binaan

Bahagian Pendaftaran Kontraktor & Personel Binaan

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

Tingkat 21, CIDB 520, The MET Corporate Towers

No.20, Jalan Dutamas 2

50480 Kuala Lumpur

E: upb@cidb.gov.my

Terbitan: 01hb Sept 2026

ISI KANDUNGAN

1.0	Pengenalan dan Tujuan	4
2.0	Singkatan	4
3.0	Tafsiran	4
4.0	BAHAGIAN A: PENDAFTARAN PERSONEL BINAAN	5
5.0	BAHAGIAN B: SYARAT UMUM PERMOHONAN PENDAFTARAN PERSONEL BINAAN	7
6.0	BAHAGIAN C: PERMOHONAN BAHARU PENDAFTARAN PERSONEL BINAAN	8
7.0	BAHAGIAN D: PERMOHONAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN PERSONEL BINAAN	9
8.0	BAHAGIAN E: PEMBAYARAN PENDAFTARAN PERSONEL BINAAN	10
9.0	BAHAGIAN F: TUNTUTAN MANFAAT PELAN PERLINDUNGAN PERSONEL BINAAN	12
10.0	BAHAGIAN G: LAIN-LAIN SOALAN LAZIM	13

1.0 Pengenalan dan Tujuan

Soalan lazim (*Frequently Asked Question* – FAQ) ini dibangunkan sebagai rujukan dan panduan umum berkaitan pendaftaran personel binaan.

2.0 Singkatan

Singkatan disusun mengikut abjad seperti berikut:

CIDB	- Construction Industry Development Board
CIMS	- Centralized Information Management System
IMMP13	- Immigration Pas 13
SICW	- Safety Induction Course for Construction Workers
SKKP	- Sijil Kemahiran Kompetensi Permbinaan

3.0 Tafsiran

Lembaga

Ertinya Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520)

Personel binaan

Ertinya (a) pekerja binaan am, (b) pekerja binaan separa mahir, (c) pekerja binaan mahir, (d) penyelia tapak, (e) pengurus projek binaan, dan (f) mana-mana pekerja lain dalam industri pembinaan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga

4.0 BAHAGIAN A: PENDAFTARAN PERSONEL BINAAN

A1. S : Apakah dimaksudkan dengan pendaftaran personel binaan?

J : Pendaftaran personel binaan merupakan rekod daftar yang dikawal selia oleh CIDB ke atas individu yang terlibat atau diambil sebagai personel binaan

A2. S : Siapakah yang wajib berdaftar?

J : Individu yang melaksanakan kerja pembinaan / mengaku janji untuk melaksanakan kerja pembinaan di Malaysia tertakluk di bawah Akta 520

A3. S : Adakah menjadi kesalahan bagi individu yang terlibat dengan kerja pembinaan tetapi tidak berdaftar?

J : Ya, individu yang terlibat dengan kerja pembinaan yang tidak berdaftar boleh dianggap melakukan kesalahan di bawah Seksyen 33(4) Akta 520 dan apabila disabit boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit

A4. S : Bagaimana cara membuat permohonan pendaftaran personel binaan?

J : Permohonan pendaftaran personel binaan boleh dibuat secara atas talian melalui sistem CIMS-CIDB di pautan cims.cidb.gov.my

A5. S : Bagaimana cara untuk memulakan proses permohonan pendaftaran personel binaan?

J : Permohonan pendaftaran personel binaan dibuat melalui *sign-up* ID di sistem CIMS sebagai:

- i) Majikan (Kontraktor) – untuk pendaftaran individu (pekerja) warganegara Malaysia dan warga asing
- ii) Majikan (Bukan Kontraktor) – untuk pendaftaran individu (pekerja) warganegara Malaysia dan warga asing
- ii) Individu – untuk pendaftaran warganegara Malaysia sahaja

A6. S : Apakah dimaksudkan dengan kategori pendaftaran personel?

J : Kategori diberikan kepada setiap pendaftaran dengan rujukan seperti berikut:

- i) Pelatih Binaan
Latihan praktikal di pusat pengajian dan industri pembinaan
- ii) Pekerja Binaan Am
Tidak mempunyai sebarang sijil kemahiran / akademik
- iii) Pentadbiran
Pemegang Diploma / Ijazah dan ke atas dalam bidang bukan teknikal
- iv) Pekerja Binaan Mahir
Memiliki tred kemahiran seperti yang tersenarai di Jadual Ketiga Akta 520 atau yang setara
- v) Penyelia Tapak
Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) Tahap 4
(Penyelia Tapak Bina Bertauliah)
- vi) Pengurus Projek Binaan
Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) Tahap 5 dan 6
(Pengurus Pembinaan Bertauliah, Pengurus Projek Pembinaan Bertauliah), ATAU
Pemegang Diploma / Ijazah dan ke atas dalam bidang teknikal

A7. S : Bagaimana kategori dan tred kemahiran pendaftaran personel binaan ditentukan?

J : Kategori dan tred kemahiran ditentukan / dipetakan secara automatik seperti berikut:

- i) Kategori
Ditentukan berdasarkan maklumat akademik dan kemahiran tertinggi yang dikemukakan / dimuat naik
- ii) Tred kemahiran
Ditentukan berdasarkan maklumat akademik dan kemahiran yang diisytihar

A8. S : Apakah perbezaan di antara ID Syarikat (Kontraktor) dan ID Syarikat (Bukan Kontraktor) di dalam sistem CIMS?

J : Perbezaan di antara kedua-dua ID ini menunjukkan terdapat 2 jenis syarikat yang terlibat di dalam urusan pendaftaran personel binaan, iaitu:

i) Kontraktor

Syarikat kontraktor berdaftar dengan CIDB menggunakan ID Syarikat (Kontraktor) untuk pengurusan pendaftaran personel binaan pekerja yang digajikannya

ii) Bukan Kontraktor

Syarikat Bukan Kontraktor yang menggunakan ID Syarikat (Bukan Kontraktor) untuk pengurusan pendaftaran personel binaan pekerja yang digajikannya. Syarikat Bukan Kontraktor ini disenaraikan sebagai:

- Agensi / Jabatan Kerajaan, atau
- Syarikat Jururunding, atau
- Koperasi / Kelab, atau
- Pemaju Pembinaan, atau
- Pemilik tapak projek pembinaan,

5.0 BAHAGIAN B: SYARAT UMUM PERMOHONAN PENDAFTARAN PERSONEL BINAAN

B1. S : Apakah syarat umum permohonan pendaftaran personel binaan?

J : Syarat umum permohonan adalah seperti berikut:

- i) Memiliki dokumen pengenalan diri yang sah
- ii) Memiliki permit kerja yang sah dari Jabatan Imigresen Malaysia (bagi warga asing)
- iii) Berumur 16 tahun dan ke atas
- iv) Telah hadir dan memiliki sijil keselamatan dan kesihatan (SICW / eSICW) atau Sijil/Pasport keselamatan dan kesihatan diiktiraf CIDB
- v) Mengisi maklumat majikan atau memilih sebagai bekerja sendiri (bagi permohonan individu)
- vi) Mengisi maklumat penama di ruangan penama
- vii) Membuat bayaran pendaftaran personel binaan

6.0 BAHAGIAN C: PERMOHONAN BAHARU PENDAFTARAN PERSONEL BINAAN

C1. S : Selain dari memenuhi syarat umum, apakah dokumen lain yang boleh dimuatnaik semasa membuat permohonan baharu?

J : Dokumen lain yang boleh dimuatnaik adalah seperti berikut:

- i) Sijil akademik yang dikeluarkan oleh institusi yang diiktiraf Kerajaan
- ii) Sijil kemahiran kompetensi yang dikeluarkan oleh CIDB (SKKP) atau agensi atau institusi yang diiktiraf CIDB (SKKP Setara)

C2. S : Sekiranya telah memiliki Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) dari CIDB, adakah sijil tersebut perlu dimuatnaik?

J : Tidak perlu. Maklumat nama dan tred SKKP tersebut akan diintegrasikan dan dipaparkan di dalam pendaftaran personel binaan secara automatik

C3. S : Apakah yang menyebabkan proses permohonan pendaftaran personel binaan tidak boleh diteruskan di dalam sistem CIMS?

J : Permohonan tidak boleh diteruskan di dalam modul pendaftaran disebabkan oleh:

- i) Maklumat sijil/passport keselamatan dan kesihatan tidak dapat dibaca, DAN
- ii) Maklumat kad pengenalan / passport tidak dapat ditemui

C4. S : Apakah yang perlu dilakukan sekiranya maklumat pemohon warganegara asing didapati tidak sepadan atau *mismatched*?

J : *Mismatched* berlaku sekiranya maklumat yang diisi oleh majikan tidak sama dengan maklumat yang tertera di dalam permit kerja. Sila pastikan maklumat yang diisi sewaktu membuat permohonan pendaftaran personel binaan adalah berdasarkan maklumat pada permit kerja sahaja.

C5. S : Apakah yang perlu dilakukan sekiranya maklumat telah diisi dengan betul dan dokumen telah dimuatnaik tetapi permohonan masih tidak dapat diteruskan?

J : Pemohon perlu menyalurkan isu tersebut kepada eBantuan CIDB dengan mengemukakan dokumen seperti berikut:

- i) Tangkap layar atau salinan rakaman isu terlibat, DAN
- ii) Salinan Kad Pengenalan yang jelas untuk dirujuk (warganegara),
ATAU
- ii) Salinan passport dan permit kerja yang jelas untuk dirujuk (bukan warganegara)

7.0 BAHAGIAN D: PERMOHONAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN PERSONEL BINAAN

D1. S : Adakah personel binaan perlu menghadiri semula kursus keselamatan dan kesihatan untuk memohon pembaharuan pendaftaran personel binaan?

J : Tidak perlu. Maklumat kursus keselamatan dan kesihatan personel binaan sedia ada dirujuk semula di dalam permohonan pembaharuan pendaftaran personel binaan

D2. S : Adakah personel binaan asing perlu menghadiri semula kursus keselamatan dan kesihatan sekiranya nombor passport bertukar sewaktu memohon pembaharuan pendaftaran personel binaan?

J : Tidak perlu, sekiranya pekerja asing tersebut masih bekerja di bawah majikan yang sama. Isikan nombor pasport baharu di ruangan yang disediakan. Maklumat sedia ada kursus keselamatan dan kesihatan personel binaan dirujuk melalui nombor pasport terdahulu.

D3. S : Apakah tindakan yang perlu dibuat sekiranya pekerja asing telah bertukar majikan atau bertukar majikan berserta bertukar nombor pasport?

J : Majikan baharu yang menggajikan pekerja asing ini perlu mendaftarkan semula (pendaftaran baharu) pekerja asing tersebut

D4. S : Sekiranya pekerja asing telah bertukar majikan dan bertukar nombor passport, adakah maklumat SICW/eSICW boleh dibaca?

J : Tidak. Majikan diminta untuk memohon pengemaskinian maklumat nombor passport baharu pada sijil SICW / eSICW

D5. S : Apakah kad pendaftaran personel binaan akan dicetak lagi bagi permohonan pembaharuan pendaftaran personel binaan?

J : Tidak. Kad pendaftaran personel binaan dicetak sekali sahaja pada waktu pendaftaran personel binaan baharu (kali pertama) dibuat.

8.0 BAHAGIAN E: PEMBAYARAN PENDAFTARAN PERSONEL BINAAN

E1. S : Berapakan jumlah yuran permohonan pendaftaran baharu / pembaharuan personel binaan?

J : Yuran permohonan bagi pendaftaran baharu / pembaharuan adalah seperti jadual berikut:

Tahun	Yuran Proses (RM)	Fi Pendaftaran (RM)
1	10.00	25.00
2	10.00	50.00
3	10.00	75.00
4	10.00	100.00
5	10.00	125.00

E2. S : Adakah CIDB menerima bayaran yuran permohonan pendaftaran personel binaan secara tunai?

J : Tidak. Bayaran hanya boleh dibuat melalui 2 kaedah iaitu:

- i) Perbankan atas talian, ATAU
- ii) Bayaran di kaunter Pejabat CIDB Negeri/Cawangan menggunakan Kad Kredit/Debit

E3. S : Bagaimana ingin menyemak dan memuat turun Invois Proforma serta Resit Bayaran?

J : Invois Proforma dan Resit Bayaran boleh disemak secara sendiri melalui sistem CIMS. Rujuk Profil Pendaftaran Personel Binaan | Rekod Bayaran | Klik butang hijau di lajur masing-masing untuk muat turun Invois Proforma dan Resit Bayaran berkaitan.

E4. S : Berapakah tempoh masa yang diberikan untuk menyelesaikan bayaran permohonan pendaftaran personel binaan?

J : 7 hari dari tarikh permohonan dicipta (bagi pemohon warga tempatan) manakala 2 hari dari tarikh permohonan dicipta (bagi pemohon warga asing). Maklumat permohonan akan dibatalkan secara automatik ditunjukkan di bucu kanan atas paparan permohonan pendaftaran personel binaan

E5. S : Apakah Invois Proforma tersebut masih boleh digunakan untuk bayaran sekiranya tempoh 7 hari untuk pembayaran telah berlalu?

J : Invois Proforma dan/atau permohonan tersebut akan terbatal secara automatik. Pemohon boleh membuat permohonan semula dengan lengkap.

E6. S : Adakah bayaran yang berjaya dibuat boleh dituntut semula?

J : Tidak boleh

9.0 BAHAGIAN F: TUNTUTAN MANFAAT PELAN PERLINDUNGAN PERSONEL BINAAN

F1. S : Adakah personel binaan dilindungi oleh pelan perlindungan takaful berkelompok CIDB?

J : Ya. Personel binaan aktif berdaftar di antara umur 16 sehingga 70 tahun serta memenuhi syarat dan kriteria takaful dilindungi oleh pelan perlindungan insuran berkelompok CIDB

F2. S : Bagaimana tempoh perlindungan ini diberi?

J : Penerangan seperti berikut:

- a. Perlindungan insurans / takaful adalah tertakluk kepada 1 polisi untuk tempoh 12 bulan bermula dari tarikh bayaran pendaftaran dibuat
- b. Perlindungan ini akan diperbaharui mengikut tempoh pendaftaran yang dipilih
- c. Contoh kiraan tempoh perlindungan:
 - Tarikh bayaran pendaftaran dibuat : 10.5.2026
 - Tempoh pendaftaran personel : 2 tahun (bermula 10.5.2026 sehingga tarikh lahir tahun 2028)
 - Tempoh perlindungan : Tahun Pertama 05/2026 – 05/2027
: Tahun Kedua 05/2027 – 05/2028

F3. S : Adakah maklumat penama boleh dikemaskini?

J : Boleh. Maklumat penama boleh dikemaskini pada bila-bila masa

F4. S : Siapakah yang boleh membuat tuntutan manfaat takaful?

J : Personel binaan atau penama yang dinamakan

F5. S : Apakah cara untuk membuat tuntutan manfaat takaful?

J : Tuntutan manfaat takaful boleh dikemukakan tidak lewat dari 60 hari dari tarikh kejadian dengan melengkapkan borang dan hantar kepada penyedia pelan perlindungan berkaitan.

F6. S : Bagaimana hendak mendapatkan borang tuntutan manfaat takaful?

J : Personel Binaan yang berdaftar dengan CIDB bermula pada 1.10.2024, sila guna [Borang Tuntutan UPPT-1/v03](#) dan menyerahkan tuntutan kepada Etika Family Takaful Berhad melalui:
Emel: cidb.inquiry@etiga.com.my
Nombor Telefon: [1-300-13-8888](tel:1-300-13-8888) / 014-9277720

Personel Binaan yang berdaftar dengan CIDB pada atau sebelum 30.9.2024, sila guna [Borang Tuntutan UPPT-1/v02](#) dan menyerahkan tuntutan kepada Zurich Takaful Malaysia Berhad melalui:
E-Mel: cidbinquiry@zurich.com.my
Nombor Telefon: 1-300-888-622 / 03-2109 6222/ 03-2109 6213

10.0 BAHAGIAN G: LAIN-LAIN SOALAN LAZIM

G1. S : Bilakah Perakuan Pendaftaran Personel Binaan dapat dijana?

J : Perakuan Pendaftaran Personel Binaan dapat dijana melalui sistem CIMS selepas bayaran berjaya dijelaskan.

G2. S : Bilakah Kad Pendaftaran Personel Binaan akan diterima?

J : Kad Pendaftaran Personel Binaan akan diterima dalam tempoh 60 hari selepas bayaran berjaya dijelaskan.

G3. S : Adakah boleh memasuki kawasan dan melaksanakan kerja di tapak bina walaupun kad pendaftaran personel binaan masih belum diperolehi?

J : Boleh, selagi personel binaan tersebut aktif berdaftar dengan CIDB

G4. S : Apakah cara untuk menyemak maklumat pendaftaran personel binaan?

J : Terdapat 4 cara untuk menyemak maklumat pendaftaran personel binaan iaitu:

- i) Carian nombor kad pengenalan/passport/IMMP13 personel binaan di pautan [CARIAN PERSONEL BINAAN](#), ATAU

- ii) Carian nombor kad pengenalan/passport/IMMP13 personel binaan di aplikasi CIDB, ATAU
- iii) Imbasan kod QR Perakuan Pendaftaran Personel Binaan, ATAU
- iv) Kad Pendaftaran Personel Binaan

G5. S : Bolehkah membuat pertukaran alamat pengeposan Kad Pendaftaran Personel Binaan?

J : Boleh, sekiranya bayaran belum dijelaskan. Sekiranya bayaran telah berjaya dijelaskan, tiada lagi maklumat boleh dikemaskini.

G6. S : Sekiranya tiada nama sijil akademik / kemahiran di dalam pilihan *dropdown* sewaktu membuat permohonan baru / pembaharuan, apakah yang perlu dilakukan?

J : Sila panjangkan aduan lengkap ke [eBantuan](#). Maklumat berkaitan boleh dikemaskini berdasarkan pembuktian dan pengemukaan dokumen yang bersesuaian seperti yang diminta oleh CIDB.

G7. S : Dimanakah saluran aduan / cadangan dapat disalurkan?

J : Sebarang aduan / cadangan berkaitan dengan pendaftaran personel binaan boleh disalurkan ke [eBantuan](#)

